



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1986

**PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN
PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM 1986 [P.U. (A) 151/86] BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN DI
SABAH DAN SARAWAK**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menerangkan pemakaian [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986 \[P.U. \(A\) 151/86\]](#) bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di Sabah (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan) dan Sarawak serta tugas dan tanggungjawab Panel Kenaikan Pangkat.

2. LATAR BELAKANG

2.1 [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#) yang menggantikan [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1972](#) telah pun dikeluarkan dalam Warta Kerajaan sebagai [Pemberitahu Undang-undang \[P.U. \(A\) 151/86\]](#) berkuatkuasa mulai 8 Mei, 1986.

2.2 Menurut Peraturan 4 (1) Peraturan-peraturan yang sama bidang kuasa sesuatu Lembaga Kenaikan Pangkat adalah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kenaikan pangkat dan pemangkuan anggota perkhidmatan-perkhidmatan yang tersebut dalam perenggan (c), (e) dan (f) Fasal (1) Perkara 132 dan Fasal 1 (A)

Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan bagi Pegawai-pegawai Awam Am Persekutuan dalam Kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D' di Negeri Sabah (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan) dan Negeri Sarawak adalah dikendalikan oleh Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan menurut Peraturan 3 [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#).

3. TATACARA PENYELENGGARAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN PEMANGKUAN

3.1 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan ke Jawatan-jawatan Tingkatan Kanan (A12 dan A11) dan ke atas dalam Kumpulan 'A'

3.1.1 Semua perakuan kenaikan pangkat dan pemangkuan ke jawatan-jawatan yang tersebut di atas (Perkhidmatan Guna sama dan Bukan Guna sama) hendaklah dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan Persekutuan, mengikut mana yang berkenaan, kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang terdapat pada perenggan 1 ruangan keempat, Jadual kepada Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986. Oleh sebab Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia adalah Urusetia kepada Lembaga Kenaikan Pangkat ini, maka semua perakuan hendaklah dialamatkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

3.2 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan ke Jawatan-jawatan dalam Kumpulan 'B' dan 'C'

3.2.1 Semua urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan dalam Kumpulan 'B' dan 'C' adalah di bawah bidang kuasa Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat sepertimana terdapat pada perenggan 2 hingga 8 ruangan keempat, Jadual Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986. Walau bagaimanapun, sehingga ke suatu tarikh yang akan ditentukan kelak, penyelenggaraan urusan berkenaan akan dijalankan oleh Panel Kenaikan Pangkat yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang dinyatakan dalam [Lampiran 'A'](#) kepada Surat Pekeliling ini.

3.3 Kenaikan Pangkat dalam Kumpulan 'D'

3.3.1 Semua urusan kenaikan pangkat dalam Kumpulan 'D' adalah di bawah bidang kuasa Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang dianggotai oleh Ahli-ahli seperti yang berikut:

Ketua Jabatan di peringkat Negeri atau Wakilnya - Pengerusi

Ketua Bahagian yang berkenaan bagi Jabatan itu atau wakilnya - Ahli

Wakil Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah atau Sarawak, yang mana berkenaan - Ahli

4. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.7 TAHUN 1985

4.1 Dalam melaksanakan peraturan-peraturan dalam Surat Pekeliling ini, peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7](#)

Tahun 1985 mengenai kenaikan pangkat dan pemangkuan ke jawatan-jawatan Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PANEL KENAIKAN PANGKAT

5.1 Panel Kenaikan Pangkat hendaklah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana yang dijalankan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan itu sendiri mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Perintah-perintah Am atau perintah-perintah pentadbiran atau arahan-arahan pentadbiran lain yang pada masa itu dikeluarkan secara sah di sisi undang-undang dan dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, Panel Kenaikan Pangkat ini tidak mempunyai kuasa membuat keputusan.

5.2 Panel Kenaikan Pangkat boleh melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya secara berikut:-

- (i) Membuat tapisan secara temuduga atau tanpa temuduga bagi urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan 'B' dan 'C'.

5.3 Perakuan Panel Kenaikan Pangkat hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan sebaik sahaja urusan itu selesai. Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan pula hendaklah menimbangkan perakuan itu dan membuat keputusan. Bagi urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan dalam Kumpulan 'B', keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat akan dihantar terus oleh Lembaga Kenaikan Pangkat kepada pegawai-pegawai berkenaan dengan salinannya kepada Panel Kenaikan Pangkat. Bagi urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan dalam Kumpulan 'C' pula, keputusan ini akan disampaikan oleh

Lembaga Kenaikan Pangkat kepada Panel Kenaikan Pangkat yang seterusnya akan mengambil langkah menyiarkannya bagi pihak Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan.

6. URUSETIA KEPADA PANEL KENAIKAN PANGKAT

6.1 Pejabat Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah dan Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, adalah dipertanggungjawabkan sebagai Urusetia kepada Panel Kenaikan Pangkat. Semua Jabatan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak hendaklah mengambil tindakan mengemukakan perakuan dan maklumat yang lengkap mengenai sesuatu urusan kenaikan pangkat atau pemangkuan bagi Pegawai Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan masing-masing kepada Urusetia yang seterusnya akan mengemukakan kepada Panel Kenaikan Pangkat itu.

7. URUSETIA LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN 'D'

7.1 Pejabat Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat adalah dipertanggungjawabkan sebagai Urusetia Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan 'D'.

8. TARIKH KUATKUASA

8.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

9. PEMBATALAN

9.1 Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini, [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#) dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1982](#) adalah dibatalkan.

10. **AM**

10.1 Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat di bawah Kementerian/Jabatan masing-masing. Sebarang kemusykilan yang timbul hendaklah dirujuk kepada Cawangan Kenaikan Pangkat, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

ZOLKIPLI BIN ABDUL,
*Pengarah,
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 21 Ogos, 1986

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Salinan:

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Bahagian Kenaikan Pangkat/Tatatertib,
Tingkat 11, Wisma Keramat,
Jalan Gurney,
50520 Kuala Lumpur.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Cawangan Sabah,
Tingkat 1, Bangunan Wing On Life,
Jalan Segunting,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Cawangan Sarawak,
Tingkat 6, Bangunan K.W.S.P.,
Jalan Simpang Tiga,
Kuching,
Sarawak.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah,
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sabah,
Tingkat 6, Bangunan KUWASA,

Jalan Tunku Abdul Rahman,
88000 Kota Kinabalu,
Sabah.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Tingkat 3, Bangunan Tuanku Abdul Rahman,
93520 Petra Jaya,
Kuching,
Sarawak.

JADUAL KEANGGOTAAN PANEL KENAIKAN PANGKAT

1. Bagi Negeri Sabah

- (a) Bagi urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan 'B':

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah - Pengerusi

Dua orang pegawai dalam Kumpulan 'A' yang dilantik oleh - Ahli-ahli

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah. (Seorang daripada mereka hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan Tempatan yang berkenaan atau wakilnya).

- (b) Bagi urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan 'C'.

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah atau Wakilnya - Pengerusi

Dua orang pegawai dalam Kumpulan 'A' yang dilantik oleh - Ahli-ahli

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sabah. (Seorang daripada mereka hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan Tempatan yang berkenaan atau wakilnya).

2. Bagi Negeri Sarawak

- (a) Bagi urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan ke jawatan-jawatan dalam kumpulan 'B'.

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sarawak. - Pengerusi

Dua orang pegawai dalam Kumpulan 'A' yang dilantik oleh - Ahli-ahli

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sarawak. (Seorang daripada mereka hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan

Tempatan yang berkenaan atau wakilnya).

- (b) Bagi urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan 'C':

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sarawak atau Wakilnya. - Pengerusi

Dua orang pegawai dalam Kumpulan 'A' yang dilantik oleh - Ahli-ahli

Pegawai Perjawatan (Persekutuan) Sarawak. (Seorang daripada mereka hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan Tempatan yang berkenaan atau wakilnya).